



Unimap

MURoC

MALAYSIA UNIVERSITY ROBOT COMPETITIONS

Collaboration with:




mosti

Exclusive Technology Partner &
Sponsored by:



MICROCHIP

PERTANDINGAN ROBOT ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA



25 - 27 FEBRUARI 2011, DEWAN 2020, KANGAR

Ilmu Keibhlasan Kecemerlangan

www.unimap.edu.my

SELAMAT DATANG

KE

PERTANDINGAN ROBOT ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA



Collaboration with:



Exclusive Technology Partner &
Sponsored by:



MICROCHIP



Daulat Tuanku



Duli Yang Teramat Mulia
Tuanku Syed Faizuddin ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail

D. K., S. P. M. P., P. A. T., Doctor of Education (Honoris Causa) La Trobe University, Melbourne, Australia.

Raja Muda Perlis
Canselor UniMAP

Daulat Tuanku



Duli Yang Teramat Mulia
Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil

S. P. M. P., Honoris Causa in Health Sciences
(Universidad Nacional Pedro Henriquez Ureña, DR)

Raja Puan Muda Perlis
Pro Canselor UniMAP

3



UniMAP_MARA PENPAJUAN

Kamu Keibhlasan Kecemerlangan

www.unimap.edu.my

KATA ALUAN

**Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia**



Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Pengajuran Malaysia University Robot Competitions (MUROC 2011) ini di lihat sebagai salah satu platform kepada mahasiswa untuk dalam mentransformasikan idea mereka menjadi realiti bertepatan dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi untuk meningkatkan lagi pencapaian mahasiswa dalam bidang berkaitan dengan teknologi kejuruteraan .

Di samping itu juga, melalui pertandingan ini, dapat mewujudkan semangat kerjasama di kalangan generasi muda yang berkongsi minat yang sama yang akan menerajui negara mereka pada abad ke 21.

Saya berharap MORUC 2011 akan menjadi perangsang dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang teknikal serta pelaksanaan teknologi baru lagi maju, khususnya dalam rekaan robot.

Ini kerana penyelidikan dan pembangunan (R&D) IPT tidak boleh menjurus kepada aspek akademik semata-mata, sebaliknya harus ada kegunaan praktikal yang boleh diterima pakai dalam pelbagai sektor ekonomi negara.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di atas kejayaan menganjurkan MUROC 2011, semoga hasil dari penganjuran MUROC 2011 ini mampu memberi lebih pendedahan dan pengalaman yang berguna kepada para peserta.

Y.B. DATO' SERI HJ. MOHAMAD KHALED BIN NORDIN

Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

KATA ALUAN

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
Kementerian Sains, Teknologi
dan Inovasi Malaysia**



Teknologi robotik di negara kita masih lagi di peringkat awal dan memerlukan penerokaan dan penyelidikan yang lebih meluas supaya aplikasinya dapat dinikmati oleh segenap lapisan rakyat.

Penganjuran Malaysian University Robot Competition (MUROC 2011) merupakan medan terbaik untuk membentuk mahasiswa yang kreatif dan inovatif seiring dengan Program Pembangunan Modal Insan dalam Sains, Teknologi & Inovasi iaitu ke arah meningkatkan kemahiran teknikal, kreativiti dan inovasi sumber manusia bagi memacu ekonomi berasaskan pengetahuan.

Program ini juga dapat mendedahkan para pelajar supaya lebih adaptif dan berkeupayaan menyesuaikan diri dengan cabaran masa kini, berfikir kritis dan jauh ke depan terutamanya generasi muda supaya meminati bidang sains dan teknologi dan seterusnya memberi tumpuan yang lebih kepada bidang ini bagi mengisi keperluan negara ke arah pembangunan.

Ini kerana persaingan secara global pula amat bergantung kepada penguasaan sains dan teknologi pada tahap yang paling tinggi. Ia hanya boleh dicapai melalui perubahan sikap masyarakat terhadap sains dan teknologi sehingga membentuk budaya yang sihat ke arah penguasaan dan penggunaan sains dan teknologi dalam meningkatkan kesejahteraan hidup.

DATUK SERI DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia

KATA ALUAN

**Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis**



Alhamdulillah, Syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izinNya, kita dapat menjayakan penganjuran Malaysian University Robot Competition" atau ringkasnya MUROC 2011 buat kali kedua pada tahun ini. Penganjuran kali kedua ini lebih bermakna kerana kita telah berjaya memperoleh penajaan daripada beberapa pihak terutama Microchip Asean yang menjadi penaja utama.

MUROC 2011 merupakan satu projek yang amat bermakna untuk kami di UniMAP. Hal ini kerana, MUROC merupakan program cetusan idea Tuanku Canselor UniMAP, DTYM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dalam usaha untuk melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif. Penganjuran pertandingan ini merupakan salah satu strategi untuk melahirkan saintis dan jurutera yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa dan pada masa sama menguji kebijaksanaan dan kreativiti peserta dalam menyelesaikan masalah.

Dan ia nyata adalah selaras dengan hasrat kementerian untuk melahirkan mahasiswa yang kreatif dan sentiasa memiliki daya cipta terhadap sesuatu. Insya Allah, perkembangan teknologi dan inovasi ini mampu menjadi pemangkin yang akan menentukan acuan dan kepantasan negara untuk menjadi sebuah negara maju. UniMAP sebagai sebuah university berteraskan kejuruteraan, berharap usaha ini dapat membantu melahirkan modal insan yang berkualiti untuk masa depan Negara yang gemilang. Insya Allah.

6

BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
Naib Canselor UniMAP



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. 01-01-0013

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. 01-01-0013

UNIMAP JUARA PERPADUAN

Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan

www.unimap.edu.my

Pengenalan

Malaysia University Robot Competitions atau singkatannya MURoC diperkenalkan adalah bertitik tolak dari cadangan DYTm Tunku Syed Faizuddin Ibtu Syed Putra Jamalullail, Canselor UniMAP yang mencadangkan agar UniMAP memperkenalkan satu program yang dapat mengetengahkan teknologi terkini dan memperkenalkannya kepada masyarakat negeri Perlis.

Bermula dengan hasrat tersebut, MURoC 2010 peringkat kebangsaan telah dianjurkan pada awal Januari 2010 dan telah mendapat sambutan dari segi penyertaan yang menggalakkan. Sebanyak 7 IPT yang terdiri daripada 21 kumpulan telah menyertai pertandingan ini. Semasa penganjuran tersebut, UPM dan UiTM telah dinobatkan sebagai juara dan naib juara keseluruhan.

Berasaskan kepada kejayaan tersebut, pengurusan tertinggi universiti telah memutuskan untuk menjadikan MURoC ini sebagai agenda tahunan UniMAP. Pada tahun ini, penganjuran MURoC 2011 di buka dengan lebih meluaskan lagi kepada semua IPTA dan IPTA di Malaysia. Disamping itu, bagi memastikan wujudnya elemen perkongsian ilmu diantara universiti terbentuk, satu pertandingan pembentangan rekabentuk robot berasaskan poster telah diperkenalkan. Ini akan menjadikan MURoC bukan sekadar pertandingan semata-mata malah ia juga merupakan salah satu cabang percambahan ilmu pengetahuan di antara IPT.

Objektif penganjuran MURoC adalah;






1. Perkongsian ilmu dan teknologi di antara IPT.
2. Melihat peningkatan penggunaan teknologi robot setiap tahun.
3. Meningkatkan kefahaman dan kemahiran pelajar-pelajar IPT terutama dalam bidang kejuruteraan.
4. Memberi peluang kepada pelajar-pelajar IPT melahirkan idea-idea inovatif.


Di samping UniMAP sebagai hos penganjuran, program ini turut mendapat kerjasama dari Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Terdapat 3 jenis pertandingan yang di tawarkan di MURoC. Ia adalah Rope Climbing Robot, Fire Fighting Robot dan Paintball Robot. Setiap pertandingan mempunyai peraturan-peraturan tertentu yang telah disediakan oleh jawatankuasa teknikal yang dilantik. Format pertandingan adalah secara liga bagi member peluang kepada semua kumpulan untuk beraksi sebanyak mungkin. Setiap pertandingan akan di beri hadiah bagi tempat pertama, kedua dan ketiga. Sebagai tambahan, anugerah khas turut diperkenalkan iaitu Pembentangan Rekabentuk Terbaik, Booth Terbaik dan Anugerah Khas Microchip.

7

Klik ! Klik ! MURoC 2010





UNIMAP UNIVERSITY BOGOR COMPETITION



Penyertaan MURoC 2011

No.	IPT	Rope Climbing	Fire Fighting	Paintball
1	Universiti Malaysia Perlis	2	2	2
2	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (FKMP)	2	1	1
3	Politeknik Sultanah Bahiyah	1	-	1
4	Universiti Putra Malaysia	2	1	1
5	Universiti Teknologi Mara (Terengganu)	1	1	-
6	Penang Skills Development Centre (PSDC)	-	-	1
7	Universiti Teknologi Mara Shah Alam (FKE)	1	1	1
8	Universiti Perguruan Sultan Idris	2	1	1
9	Universiti Teknologi Mara Shah Alam (FKM)	1	-	1
10	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin	1	1	-
11	Universiti Sains Malaysia	-	1	-
12	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	1	-	-
13	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	1	-	-
14	Politeknik Port Dickson	1	1	-
15	Politeknik Ungku Omar	1	-	-
16	German Malaysian Institute	1	1	-
17	International Islamic University Malaysia	2	1	-
18	Universiti Teknologi Malaysia	1	-	-
19	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	1	1	-
20	Politeknik Kuching, Sarawak	1	-	-



Jawatankuasa MURoC 2011

- Penaung Diraja** - DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail
Canselor UniMAP
- Penaung Kehormat** - YB. Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin
Menteri Kementerian Pengajian Tinggi
- YB. Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili
Menteri Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
- Penasihat Kehormat** - YBhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin
Naib Canselor UniMAP
- Penasihat** - Prof. Madya. Abdul Rahman Mohd Saad
Dekan Pusat Kejuruteraan
- Razli Ahmad
Dekan HEPA
- Pengerusi** - Mohamad Ezral Baharudin
Timbalan Pengerusi - Mohd. Mustafa Al-Bakri Abdullah
Setiausaha - Raja Shah Erman Raja Ariffin
Bendahari - Norsyahiza Hamzah
Teknikal & Peraturan - Mohamad Hatta Musa (Fire Fighting Robot)
- Narzrezal Abdul Razak (Fire Fighting Robot)
- Zulkapli Abdullah (Paintball Robot)
- Nurulazmi Abd. Rahman (Paintball Robot)
- Azmi Harun (Rope Climbing Robot)
- Shayfull Zamree Abd. Rahim (Rope Climbing Robot)
- Jawatankuasa** - Mustaffa Ismail (Majlis & Protokol)
- Bimazlim Bidin (Prop)
- Julinawati Suanda (Pendaftaran & Hadiah)
- Hasdarinar Abdul Jalal (Makanan)
- Shahril Mukhriz Sulaiman (Fizikal)
- Alma Azizah Abd Rahim (Siaraya)
- Norharnila Rusli (Pengiring)
- Suriati Aliza Ab Samad (Pengangkutan)
- Syaifullah Borhan (Multimedia)
- Hirwan Jasbir Jaafar (Tugas Khas)
- Nur Fadzliah Othman (Penginapan)
- Nor Azmi Johari (Keselamatan)
- Suhana Abdul Mutalib (Media)
- Norismiza Ismail (Laman Web)
- Azizi Ahmad (Perubatan)
- Shahrul Fazy Man@Sulaiman (Gelanggang)
- Cytron Technologies Sdn. Bhd.(Majalah ROBOT: Head to Toe)



Penaja MURoC 2011

Penaja Emas

MICROCHIP TECHNOLOGY INC

Exclusive Technology Partner & Gold Sponsor



MICROCHIP

www.microchip.com

12



Penaja Perak

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA



Penaja Gangsa

RASS D'SIGN SDN. BHD

rass d'SIGN & event

S E N D I R I A N B E R H A D



Hadiah MURoC 2011

Tempat Pertama

~ RM 1500.00 + Plak + Hadiah Iringan Microchip

Tempat Kedua

~ RM 1250.00 + Plak + Hadiah Iringan Microchip

Tempat Ketiga

~ RM 1000.00 + Plak

Anugerah Pembentangan Rekabentuk Terbaik

~ RM 500.00 + Plak

Anugerah Khas Microchip

~ RM 500.00 + Plak + Hadiah Iringan Microchip

Anugerah Booth Terbaik

~ RM 500.00 + Plak







PERTANDINGAN AKHIR DAN MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH MALAYSIA UNIVERSITY ROBOT COMPETITION (MURoC) 2011

27 Februari 2010 (Ahad)
Dewan 2020, Kangar, Perlis

Atur Cara Tentatif :

- 10.45 pagi – Ketibaan Jemputan
- 11.00 pagi – Ketibaan Naib Canselor & Isteri
- 11.10 pagi – Ketibaan Dif-dif Kehormat
- 11.20 pagi – Ketibaan YAB Menteri Besar Perlis dan Isteri
- 11.30 pagi – Keberangkatan Tiba DYTm Canselor dan DYTm Pro Canselor UniMAP
 - Pertandingan Akhir Paintball Robot
 - Pengenalan Kontinjen
 - Keberangkatan Masuk DYTm Canselor dan DYTm Pro Canselor Ke Dalam Dewan
 - Lagu Dirgahayu Tuanku Raja Muda dan WAWASANKU
 - Pertandingan Akhir Fire Fighting Robot dan Rope Climbing Robot
 - Ucapan Aluan Naib Canselor
 - Titah Ucapan DYTm Canselor UniMAP
 - Gimik Penutup
 - Penyampaian Hadiah dan Cenderahati
 - Lagu Semangat UniMAP
 - Lagu Dirgahayu Tuanku Raja Muda
 - Lawatan Ke Booth Pameran
- 1.00 tgh – Jamuan Tengahari
 - Keberangkatan Balik DYTm Canselor dan DYTm Pro Canselor
 - Majlis Bersurai

Pakaian - Smart Casual / T-Shirt MuroC